

NO. SOALAN: 124

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG

RUJUKAN : 8714

SOALAN:

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa Kementerian hanya memberikan visa percuma kepada pelancong China dan seharusnya diperluaskan kepada pelancong daripada Negara lain.

JAWAPAN:

Untuk makluman, pada masa ini terdapat tiga puluh empat (34) negara yang tersenarai yang memerlukan visa. Mereka terdiri daripada enam (6) dikalangan negara Komanwel dan dua puluh lapan (28) daripada negara lain. Bagi lain-lain negara yang tidak tersenarai, rakyat mereka tidak memerlukan visa untuk memasuki Malaysia.

Pengecualian yang diberikan kepada Republik Rakyat China (RRC) ini adalah kerana RRC merupakan pasaran yang berpotensi tinggi dalam industri pelancongan negara sekaligus menyumbang kepada peningkatan pendapatan Negara.

Pengecualian visa ini juga bukanlah bermakna keselamatan Negara diabaikan sebaliknya Kerajaan sentiasa menilai serta memantau sebarang implikasi yang mungkin timbul sepanjang tempoh pelaksanaan. Dalam hubungan ini, dasar visa negara sentiasa dikaji dari masa ke semasa mengikut keperluan dan situasi semasa terutamanya atas dasar keselamatan.